

AKKM : (S) 2/3/7 SJ 5 Jld 5 (122)

Tarikh : 4 Jun 2021

Semua Warga Kerja ANGKASA

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan

السَّلَامَةُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَکَاتُهُ

PEKELILING BIL 15/2021

KEBENARAN BEROPERASI BAGI PEJABAT ANGKASA DI SELURUH NEGARA DALAM TEMPOH PKP 3.0 MULAI 8 JUN 2021

Pekeliling Bil 14/2021 bertarikh 31 Mei 2021 mengenai Penutupan Sementara Pejabat ANGKASA Di Seluruh Malaysia Mulai 1 Jun 2021 adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa ANGKASA telah mendapat kebenaran beroperasi terhadap semasa Perintah Kawalan Pergerakan mulai 1 Jun 2021 dari MITI dan SKM seperti di Lampiran A dan B. Berdasarkan kebenaran ini, semua pejabat ANGKASA yang melaksanakan **perkhidmatan-perkhidmatan yang diiktiraf PERLU dibenarkan beroperasi mulai Selasa, 8 JUN 2021**. Bahagian/Pejabat yang terlibat adalah sebagaimana dalam senarai yang diputuskan oleh JTK seperti di Lampiran C. Bahagian/Pejabat yang tidak tersenarai masih lagi perlu melaksanakan **Bekerja Dari Rumah (Work From Home - WFH)** sepenuhnya. **Taska Cahaya Mata (TCM) ANGKASA kekal DITUTUP** sepanjang tempoh PKP 3.0 ini.

3. Semua Warga ANGKASA diingatkan supaya membawa bersama surat-surat kebenaran beroperasi daripada MITI dan SKM bersama dengan surat arahan hadir bertugas di pejabat daripada Ketua masing-masing semasa pergerakan (Pengerusi Negeri/Pengurus Besar). Untuk maklumat lanjut mengenai peraturan-peraturan semasa datang ke pejabat dan WFH, sila rujuk panduan *Perlaksanaan Bekerja Dari Rumah (Work From Home Sepenuhnya Bagi Pejabat ANGKASA Seluruh Malaysia* yang telah diedarkan bersama Pekeliling Bil 13/2021.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,



HAJI NASIR KHAN YAHAYA

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
ANGKASA

HARAR/SZAB/NMY/Pekeliling


KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY

 Aras 28, Menara Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
 No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, 50480 Kuala Lumpur
 MALAYSIA

 Tel : 603 8000 8000
 Faks : 603 6206 4693
 Laman Web : www.miti.gov.my

Rujukan : O-01853640

Tarikh : 04-06-2021


PKP 3.0
KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

PENGESAHAN PENDAFTARAN SYARIKAT DI DALAM SISTEM MITI - COVID-19 INTELLIGENT MANAGEMENT SYSTEM (CIMS)

Pendaftaran Syarikat **ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD** di dalam Sistem **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI) - COVID-19 INTELLIGENT MANAGEMENT SYSTEM (CIMS)** adalah dirujuk.

2. Dengan ini, berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Syarikat, disahkan bahawa Syarikat **ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD** telah berdaftar di Sistem MITI - CIMS dengan maklumat yang berikut:

Nama Syarikat	: ANKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
Alamat	: ANGKASA, WISMA UNGKU A. AZIZ JALAN SS 6/1, KELANA JAYA 46798 PETALING JAYA SELANGOR, 40150, SELANGOR
Kementerian / Agensi Pelulus	: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Kluster	: Koperasi
Sektor	: Koperasi Kredit
Sub-sektor	: -

3. Sehubungan dengan ini, berdasarkan kepada maklumat dan Akujanji yang dikemukakan oleh Syarikat, adalah dimaklumkan bahawa Syarikat **ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD** adalah dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP bermula **1 Jun 2021** dengan mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* Am yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia.

4. MITI ingin menegaskan kewajipan dan kebertanggungjawaban pihak industri untuk mematuhi arahan PKP dan SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan. MITI dengan kerjasama Pihak Berkuasa Negeri (PBN) akan menjalankan penguatkuasaan secara berkala di sepanjang tempoh PKP ke atas syarikat-syarikat untuk memastikan pematuhan SOP dan akan mengambil tindakan mengkompaun kesalahan selaras dengan Seksyen 25, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342). Majikan yang didapati melanggar dan tidak mematuhi SOP akan dikenakan tindakan undang-undang termasuk menutup premis berkenaan.

Sekian, terima kasih.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)

Surat ini adalah cetakan komputer dan tandatangan tidak diperlukan



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
MALAYSIA



LAMPIRAN B

**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

Tel: +603-2083 4000
Faks: +603-2083 4100
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Ruj: SKM.IP.(UU): 532/51/1 Jid 16 (34)
Tarikh: 2 Jun 2021

Tuan Haji Nasir Khan Yahaya
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
Wisma Ungku A.Aziz, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya 47301
Petaling Jaya, Selangor

Tuan

**KEBENARAN MENJALANKAN URUSAN BERKAITAN POTONGAN GAJI OLEH
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
(ANGKASA) SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
3.0 FASA PERTAMA DAN FASA BERIKUTNYA**

Dengan hormatnya saya diarahkan merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bertarikh 1 Jun 2021 adalah berkaitan.

2. Seperti yang tuan sedia maklum, sidang khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 Mei 2021 telah memutuskan untuk melaksanakan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun "**total lockdown**" Fasa Pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021. Sepanjang tempoh ini, **SEMUA** sektor **TIDAK DIBENARKAN** untuk beroperasi **KECUALI** sektor ekonomi dan perkhidmatan yang perlu yang akan disenaraikan oleh MKN.

3. Dalam tempoh pelaksanaan PKP 3.0 ini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) telah menerima permohonan dari **ANGKASA** untuk menjalankan urusan potongan gaji yang melibatkan proses penerimaan bayaran dari 17,000 majikan termasuk Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Bendahari Negeri, bayaran kepada 2,000 organisasi pelanggan termasuklah Bank Rakyat, Coopbank Pertama, koperasi-koperasi kredit beberapa GLC serta melibatkan lebih dari 2 juta akaun.

4. Dimaklumkan bahawa urusan potongan gaji ini merangkumi ansuran pembiayaan, premium insurans, pembayaran saham/yuran, tabungan dan lain-lain urusan kewangan untuk membantu anggota koperasi khususnya penjawat awam untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam menangani pandemik COVID -19 semasa "**total lockdown**" bagi tempoh PKP 3.0 Fasa Pertama ini dan fasa berikutnya.

5. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya bersetuju dan membenarkan **ANGKASA** beroperasi selama 7 hari dalam seminggu dan tempoh masa operasi adalah dihadkan kepada 9.00 pagi hingga 2.00 petang. Manakala kapasiti kehadiran pekerja termasuk operasi dan pengurusan adalah terhad kepada **60%** sahaja.

6. Untuk memastikan keselamatan pelanggan dan kakitangan daripada penularan wabak COVID-19, ANGKASA hendaklah mematuhi segala Arahan dan Peraturan dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) termasuklah menyediakan pengimbas suhu, QR Code MySejahtera, mengamalkan penjarakan sosial (social distancing) sekurang-kurangnya 1 meter semasa berurusan, memakai topeng muka (3-ply face mask) untuk masuk ke premis, menyediakan hand sanitizer kepada orang awam yang berurusan dan melakukan proses nyahkuman sekurang-kurangnya 3 kali sehari di dalam premis (disinfection).

7. Suruhanjaya juga menyeru semua pihak yang terlibat supaya sentiasa mematuhi arahan Kerajaan dan sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya terhadap setiap arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI IBRAHIM BIN KASAH)

Pengarah Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus
b.p. Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi
Malaysia

- s.k
1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) Bhg. Pemerkasaan dan Pemantauan Keusahawanan
 2. Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia
 3. Timbalan Pengerusi Eksekutif
 4. Naib Pengerusi Eksekutif (Dasar dan Pembangunan)
 5. Naib Pengerusi Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia)

LAMPIRAN C

Bil	Bahagian	Perkhidmatan yang dibenarkan
i.	BPKK	Dibenarkan beroperasi secara minimum. Pemandu diminta "standby" bagi kerja-kerja penghantaran dokumen ke rumah kakitangan berkenaan. Pegawai/kakitangan Pusat Khidmat Pelanggan/"CallCenter" akan beroperasi secara bergilir-gilir.
ii.	BKEW	Dibenarkan beroperasi secara minimum di pejabat.
iii.	BPSM	Dibenarkan melaksanakan 100% WFH dengan menggunakan kaedah maya.
iv.	BPAPH	Para pemandu termasuk "pool" diselaraskan tugas untuk penggunaan sepenuhnya mengikut arahan BPAPH walaupun semasa pelaksanaan 100% WFH. Sanitasi bangunan ANGKASA perlu dibuat secara menyeluruh dan berkala bagi memastikan persekitaran bersih dan selamat daripada jangkitan Covid19 apabila kakitangan datang bekerja di pejabat.
v.	BHEA	Pengurus-pengurus baru dibenarkan hadir ke pejabat secara bergilir untuk memastikan kerja-kerja mempromosikan ANGKASA di ICA berjalan lancar.
vi.	BKK	Dibenarkan 100% WFH tetapi bantuan CSR kepada kakitangan perlu diteruskan.
vii.	Semua Pejabat JPAN	Dibenarkan (jika perlu) beroperasi secara berperingkat/sebahagian. Hanya seorang JK dan seorang pegawai/kakitangan dibenarkan bekerja di pejabat secara bergilir.
viii.	Farmasi, Dialisis dan Kedai BA100 (ANGKASA MART)	Ikut SOP MITI/MKN Dibuka mengikut syif dan pegawai/kakitangan yang bekerja di ruang pejabat kedai akan melaksanakan WFH
ix.	BPRTI (Unit Peyakin Keselamatan)	Dibenarkan untuk tugas-tugas mengawal keselamatan dan memastikan semua Pengurus Besar/Pengurus menyerahkan senarai nama pegawai/kakitangan yang bertugas di pejabat seperti mana borang yang disediakan.
x.	Semua Bahagian lain termasuk MyANGKASA Holdings	Dibenarkan 100% WFH. Walaubagaimanapun, pegawai/kakitangan boleh hadir mengikut SOP yang ketat dengan jumlah minimum untuk melaksanakan program atas talian atau apa-apa tugas kritikal jika tiada kemudahan mencukupi di rumah dengan KEBENARAN Ketua Bahagian sahaja. Senarai nama kehadiran ke pejabat hendaklah diserahkan kepada Peyakin Keselamatan suhaile.angkasa@gmail.com atau hubungi talian 016-6754299 untuk maklumat lanjut.

Nota : Jika dikehendaki beroperasi secara minimum kehadiran pekerja hendaklah **TIDAK MELEBIHI** kadar maksimum 30%.